

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
PENGUATKUASAAN PENCEMARAN UDARA
DI BAWAH SEKSYEN 22(1) DAN SEKSYEN 29A, AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974**

1. Bagi mencegah dan mengawal kemerosotan kualiti udara, Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS 1974) iaitu larangan melakukan pembakaran terbuka dan Seksyen 22 AKAS 1974 yang melarang individu, syarikat atau premis dari melepaskan pencemar ke udara melebihi had yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling.

2. Tiga (3) Peraturan utama yang dikuatkuasakan di bawah Seksyen 22 adalah seperti berikut:
 - i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih);
 - ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel); dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol).

3. Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap pihak yang melakukan kesalahan di bawah peraturan-peraturan ini termasuklah tawaran kompaun sebanyak RM2,000 bagi setiap kesalahan dan tindakan mahkamah di mana jika disabitkan **kesalahan di bawah Seksyen 22 (3) Akta, boleh didenda sehingga Satu Ratus Ribu Ringgit (RM100,000) atau penjara sehingga 5 tahun.** Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2014, statistik

tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap pesalah alam sekitar berkaitan pencemaran udara adalah seperti berikut:-

- i. **431** kes telah ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih);
 - ii. **1020** kes ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel); dan
 - iii. **82** kes ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol).
 - iv. 33 kes telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman dengan jumlah terkumpul denda sebanyak RM 174,350.00. Pecahan kes tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) **32** kes kesalahan melepaskan asap hitam dari kenderaan berenjin diesel melebihi had pelepasan sebanyak 50%;
 - (b) **1** kes kesalahan melepaskan gas Karbon Monoksida melebihi 4.5% dan Hidrokarbon 800 ppm dari kenderaan berenjin petrol bagi model sedia ada.
4. Bagi larangan pembakaran terbuka, Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak yang melakukan pembakaran terbuka iaitu **kesalahan di bawah Seksyen 29A, AKAS 1974 yang boleh membawa kepada hukuman denda sehingga Lima Ratus Ribu Ringgit (RM 500,000) atau 5 tahun penjara.** Untuk kesalahan ini, bagi tempoh dari Januari hingga

Jun 2014, sebanyak 297 kes telah ditawarkan kompaun dengan jumlah kutipan sebanyak RM328,402.00 telah buat. Bagi kesalahan pembakaran terbuka yang berskala besar dan menyebabkan kacau ganggu kepada kawasan setempat, tindakan perundangan yang lebih tegas sedang diambil di mana hingga kini sebanyak 45 kes pembakaran terbuka telah dibuka kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 14 kes telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya di mana 5 kes telah mendapat izin mendakwa dan telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen untuk tujuan pendakwaan.

5. Jabatan Alam Sekitar akan mempertingkatkan penguatkuasaan terutama dalam menghadapi musim kering dan panas yang dialami pada masa ini.

JABATAN ALAM SEKITAR
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
PUTRAJAYA
24 Julai 2014